Memandangkan jumlah tersebut perlu dijelaskan oleh pihak Panji Timor Sdn. Bhd., dan tiada sebarang persetujuan daripada pihak Majlis untuk menjelaskan jumlah yang dituntut oleh pihak Syarikat Era Baru Sdn. Bhd. tersebut, maka pihak Majlis menjangkakan bahawa tuntutan terhadap Majlis ini berkemungkinan tidak akan berjaya.

36. BILANGAN KAKITANGAN

	2015	2014
	RM	RM
Silangan kakitangan setakat 31 Disember:		
Tetap	630	645
Kontrak	186	190
Sementara/Sambilan	—	1

37. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka bandingan bagi tahun lepas telah dikelaskan semula supaya menurut pembentangan tahun semasa.

[SUKNS. (R) 700-10/5; PUNS 100/2/8 (PK)]

NS. 408.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN NILAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Yang Dipertua Terhadap Penyata Kewangan

Yang Dipertua bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persempahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Yang Dipertua juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Nilai pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

SEREMBAN
Bertarikh 17 Jun 2016

ALLIAS BIN ALWI
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN NILAI

Saya, Dato' Hj. Abd Halim bin Hj. Abd Latif, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Nilai, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti bagi tahun berakhir pada

WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

610

[3hb Ogos 2017]

31 Disember 2015 yang berikut ini beserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
Penama yang tersebut di atas
di Seremban, Negeri Sembilan
pada 2 Mac 2016

Di hadapan saya,

ODEAN SUNTIRAN A/L RAMAN
Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia

PENYATA MAJLIS

Kami, Dato' Hj. Abd Halim bin Hj. Abd Latif, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Nilai dan Nazri bin A. Ghani, Setiausaha Majlis Perbandaran Nilai dengan ini mengesahkan bahawa pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti berserta dengan nota-nota di dalamnya telah disediakan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2015, hasil kendaliannya bagi tahun dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

DATO' HJ. ABD HALIM BIN HJ. ABD LATIF
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Nilai

NAZRI BIN A. GHANI
Setiausaha
Majlis Perbandaran Nilai

Bertarikh 1 Mac 2016

KENYATAAN OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Dato' Hj. Abd Halim bin Hj. Abd Latif dan Salinah binti Ismail, daripada Ahli Majlis Perbandaran Nilai menyatakan bahawa pada pendapat Ahli-ahli Majlis, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti serta nota-nota yang di dalamnya, telah disediakan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2015, hasil kendaliannya bagi tahun dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,

DATO' HJ. ABD HALIM BIN HJ. ABD LATIF
Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Nilai

SALINAH BINTI ISMAIL
Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Nilai

Bertarikh 1 Mac 2016

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	2015 RM	2014 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Nota 3)	35,422,630	33,884,586
PROJEK USAHASAMA (Nota 4)	10	10
<hr/>		
ASET SEMASA		
Tunggakan hasil (Nota 5)	34,448,394	37,829,900
Pelbagai penghutang (Nota 6)	473,486	229,677
Simpanan tetap (Nota 7)	44,000,000	33,000,000
Wang di bank dan di tangan (Nota 8)	14,398,758	9,507,822
Pertaruhan & Bayaran Terdahulu	31,905	14,106
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	93,352,543	80,581,505
<hr/>		
LIABILITI SEMASA		
Wang pertaruhan & Terimaan Terdahulu	12,623,288	12,089,107
Pelbagai pembiutang dan akruan (Nota 9)	20,516,001	12,818,449
Pinjaman Sewa Beli Kenderaan (Nota 23)	553,159	415,670
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	33,692,448	25,323,226
ASET SEMASA BERSIH	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	59,660,095	55,258,279
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	95,082,735	89,142,875
<hr/>		
DIBIAYAI OLEH:		
Kumpulan Wang Majlis (Nota 10)	90,022,516	85,158,732
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	205,000	205,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	100,000	100,000
Pendapatan Tertunda	3,472,145	2,431,437
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	93,799,661	87,895,169
<hr/>		
LIABILITI JANGKA PANJANG		
Pinjaman Sewa Beli Kenderaan (Nota 23)	1,283,074	1,247,706
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	95,082,735	89,142,875
<hr/>		

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 RM	2014 RM
PENDAPATAN		
<hr/>		
Cukai taksiran am	44,795,291	40,564,601
Caruman bantu kadar dan lain-lain (Nota 11)	967,987	962,742
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan (Nota 12)	3,103,229	2,776,273
Lesen dan Permit (Nota 13)	3,681,010	3,701,717
Faedah dan Dividen dan Perolehan daripada Pelaburan (Nota 14)	1,402,756	908,233
Denda dan Hukuman (Nota 15)	2,493,471	3,049,360

WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

612

[3hb Ogos 2017]

	2015 RM	2014 RM
Sewaan (Nota 16)	735,490	683,722
Perolehan jualan barang (Nota 17)	552,225	564,173
Sumbangan kerajaan (Nota 18)	34,437,931	27,460,675
Pelbagai pendapatan (Nota 19)	—	3,150
Lain-lain pendapatan	39,063	35,464
	<hr/>	<hr/>
	92,208,454	80,710,110
	<hr/>	<hr/>

PERBELANJAAN

Emolumen (Nota 20)	8,600,556	7,931,485
Perkhidmatan iktisas dan perkhidmatan lain-lain yang dibeli dan hospitaliti	31,573,551	25,056,002
Penyelenggaraan dan pemberian kecil	4,140,552	2,827,574
Perhubungan dan utiliti	5,074,259	4,995,579
Bekalan dan bahan-bahan lain	878,709	791,949
Bayaran-bayaran lain (Nota 21)	852,836	529,139
Perbelanjaan pembangunan (Nota 22)	31,819,279	27,398,421
Bekalan dan bahan untuk penyelenggaraan	753,823	508,988
Perkhidmatan perbelanjaan dan sara hidup	155,874	151,455
Pemberian dalam negeri	590,220	408,616
Susutnilai (Nota 3)	1,909,833	1,783,427
Hutang Ragu (Nota 5)	953,197	—
	<hr/>	<hr/>
	87,302,659	72,382,635
LEBIHAN PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN	<hr/>	<hr/>
	4,905,795	8,327,475
	<hr/>	<hr/>

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 RM	2014 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan pendapatan dari perbelanjaan	4,905,795	8,327,475
Pelarasan bagi butir yang tidak melibatkan pergerakan tunai		
Faedah simpanan tetap	(1,259,651)	(709,332)
Faedah belum jelas	—	200,448
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(251,998)	(546,112)
Faedah Pinjaman Sewa Beli Kenderaan	(97,284)	(105,536)
Pelarasan tahun lalu–Perbelanjaan Terlebih Rekod	9,196	(41,132)
Pelarasan tahun lalu–NOD & Kos Guaman	10,926	20,739
Pelarasan tahun lalu–Tunggakan Hasil dan Terimaan Terdahulu	(62,133)	(9,020,264)
Pelarasan tahun lalu–Faedah Pinjaman Sewa Beli	—	(25,710)
Pelarasan tahun lalu–Pinjaman Sewa Beli Kenderaan	—	33,209
Belanja Susutnilai	1,909,833	1,783,427
Belanja Hutang Ragu	953,197	—
Lain-lain Pendapatan Tertunda	39,063	—
Keuntungan atas jualan dari pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	(26,727)	1,175
	<hr/>	<hr/>
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	6,130,217	(81,613)
	<hr/>	<hr/>

	2015 RM	2014 RM
Kenaikan/(pengurangan) dalam aset/liabiliti		
Penghutang	374,178	15,044,742
Pembiutang	<u>8,563,445</u>	(1,245,932)
Tunai bersih digunakan dalam operasi	15,067,840	13,717,197
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Pendapatan Tertunda	3,472,145	2,431,437
Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti kewangan	<u>3,472,145</u>	2,431,437
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Jualan dari pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	30,468	—
Faedah simpanan tetap diterima	1,259,651	709,332
Belian Hartanah, Loji dan Peralatan	(4,869,078)	1,887,165
Pinjaman sewa beli kenderaan	(645,592)	(460,810)
kerja dalam Kemajuan	1,575,502	—
Tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti pelaburan	(2,649,049)	(1,638,643)
KENAIKAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	15,890,936	14,509,991
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	42,507,822	27,997,831
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	<u>58,398,758</u>	<u>42,507,823</u>

Tunai dan persamaan tunai diwakili oleh:

Simpanan Tetap	44,000,000	33,000,000
Tunai ditangan dan dibank	14,398,758	9,507,822
	<u>58,398,758</u>	<u>42,507,822</u>

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR
PADA 31 DISEMBER 2015**

	Keuntungan Tersimpan RM
Pada 1 Januari 2014	85,864,415
Lebihan Pendapatan Dari Perbelanjaan Bagi Tahun 2014	8,327,475
Pelarasan Kumpulan Wang Majlis	(9,033,158)
Pada 31 Disember 2014	<u>85,158,732</u>
Lebihan Pendapatan Dari Perbelanjaan Bagi Tahun 2015	4,905,795
Pelarasan Kumpulan Wang Majlis	(42,011)
Pada 31 Disember 2015	<u>90,022,516</u>

Penyata perubahan dalam ekuiti di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota kepada penyata kewangan.

NOTA KEPADA AKAUN—31 DISEMBER 2015

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Perbandaran Nilai.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

Asas-asas perakaunan

Akaun-akaun disediakan berdasarkan kepada konvesyen kos sejarah dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinayatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul. Tanah milik bebas dan aset dalam pembinaan tidak disusutnilaikan. Bagi aset-aset yang lain, susutnilai dikira berasaskan kaedah garis lurus berdasarkan jangka hayat kegunaan harta berkenaan pada kadar yang berikut:

Bangunan	1.5%
Bangunan Tidak Kekal	25.0%
Jentera berat	12.5%
Jentera ringan	20.0%
Alat-alat kelengkapan	33.3%
Alat-alat pejabat	10.0%

Pelaburan

Pelaburan adalah dinyatakan pada kos tolak rosotnilai pelaburan. Pembalikan kerugian rosot nilai yang diiktiraf pada tahun-tahun sebelumnya, direkodkan apabila terdapat petunjuk rosotnilai pelaburan tersebut tidak wujud lagi ataupun berkurangan mengikut harga pasaran pada akhir tahun. Pembalikan rosotnilai diiktiraf sebagai pendapatan yang tidak direalisasikan di dalam penyata pendapatan.

Apabila pelaburan dijual, perbezaan di antara terimaan bersih dan nilai bawa dicajkan atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

Projek Usahasama

Projek usahasama dinayatakan pada kos dan terdiri daripada perbelanjaan atau kos yang terlibat secara langsung. Bagi projek usahasama yang ditanggung sepenuhnya oleh pihak ketiga, ia dinyatakan pada nilai nominal RM10.

Pendapatan daripada projek usahasama diambil kira di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan apabila ia diterima atau projek usahasama tersebut telah siap.

Perbelanjaan tertunda

Perbelanjaan tertunda adalah berkaitan kos penilaian semua harta di dalam kawasan Majlis. Pelunasan akan dibuat dalam jangkamasa lima tahun bermula pada tahun perbelanjaan dilakukan.

Pendapatan

- (i) Faedah daripada simpanan tetap diiktirafkan pada asas akruan. Faedah bagi simpanan tetap yang berasaskan Sistem Kewangan Islam, keuntungan diiktiraf sebagai asas tunai.
- (ii) Hasil diambilkira berdasarkan asas akruan.

- (iii) Pendapatan asas dikira berdasarkan asas semasa.
- (iv) Geran diiktiraf sebagai pendapatan apabila sesuatu perbelanjaan dilakukan daripada peruntukan atau waran yang diterima.

Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang diterima bagi tujuan perbelanjaan operasi dan tidak berkaitan perbelanjaan modal adalah diambilkira sebagai pendapatan dalam Penyata Pendapatan tahun semasa.

Geran yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan modal diambilkira sebagai Pendapatan Tertunda dan diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan iaitu mengikut kadar susutnilai yang ditetapkan.

Hapuskira tunggakan hasil Majlis

Sebarang amaun hutang atau sebarang hasil Majlis yang telah melebihi enam (6) tahun atau tiada kemungkinan boleh didapatkan, boleh dikemukakan untuk pertimbangan hapus kira.

Pinjaman sewa beli

Kos hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi melalui sewa beli adalah dipermodalkan. Kewajipan yang belum dibayar di bawah perjanjian sewa beli, dimasukkan sebagai tanggungjawab di dalam penyata kewangan. Perbelanjaan kewangan diambilkira ke dalam penyata kewangan sepanjang tempoh perjanjian masing-masing.

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Baki pada 1-1-2015	Tambahan	Kurangan/ Pelarasan	Baki pada 31-12-2015	Baki pada 31-12-2014
	RM	RM	RM	RM	RM
KOS					
Tanah dan bangunan	27,787,379	3,309,218	—	31,096,597	27,787,379
Bangunan tidak kekal	1,185,105	167,490	—	1,352,595	1,185,105
Jentera berat	6,805,956	636,953	(182,778)	7,260,131	6,805,956
Jentera ringan	174,530	27,679	—	202,209	174,530
Alat-alat kelengkapan	411,531	7,350	—	418,881	411,531
Alatan pejabat	7,691,001	720,388	(69,220)	8,342,169	7,691,001
Kerja dalam kemajuan	1,575,502	158,042	(1,575,502)	158,042	1,575,502
	<hr/> <u>45,631,004</u>	<hr/> <u>5,027,120</u>	<hr/> <u>(1,827,500)</u>	<hr/> <u>48,830,624</u>	<hr/> <u>45,631,004</u>

SUSUTNILAI TERKUMPUL					
Tanah dan bangunan	2,498,010	255,175	—	2,753,185	2,498,010
Bangunan tidak kekal	941,365	145,942	—	1,087,307	941,365
Jentera berat	3,657,874	803,930	(182,775)	4,279,029	3,657,874
Jentera ringan	104,808	31,012	—	135,820	104,808
Alat-alat kelengkapan	388,794	19,167	—	407,961	388,794
Alatan pejabat	4,155,567	654,607	(65,482)	4,744,692	4,155,567
	<hr/> <u>11,746,418</u>	<hr/> <u>1,909,833</u>	<hr/> <u>(248,257)</u>	<hr/> <u>13,407,994</u>	<hr/> <u>11,746,418</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

616

[3hb Ogos 2017]

	2015 RM	2014 RM
NILAI BUKU BERSIH		
Tanah dan bangunan	28,343,412	25,289,369
Bangunan tidak kekal	265,288	243,740
Jentera berat	2,981,102	3,148,082
Jentera ringan	66,389	69,722
Alat-alat kelengkapan	10,920	22,737
Alatan pejabat	3,597,477	3,535,434
Kerja dalam kemajuan	158,042	1,575,502
	<hr/>	<hr/>
	35,422,630	33,884,586
 BELANJA SUSUTNILAI		
Tanah dan bangunan	222,083	
Bangunan tidak kekal	169,068	
Jentera berat	735,575	
Jentera ringan	25,492	
Alat-alat kelengkapan	20,049	
Alatan pejabat	611,160	
	<hr/>	<hr/>
	1,783,427	

4. PROJEK USAHASAMA

	2015 RM	2014 RM
Usahasama pada nilai nominal	10	10
	<hr/>	<hr/>
	10	10
	<hr/>	<hr/>

Rakan usahasama

Sri Binarama Sdn. Bhd.
Mega 9 Housing Sdn. Bhd.

Nilai nominal yang ditunjukkan di nota ini adalah nilai token. Pihak Majlis telah menandatangani perjanjian Usahasama dengan rakan usahasama untuk memajukan harta tanah di kawasan Majlis. Pulangan kepada Projek Usahasama ini adalah seperti yang dinyatakan dalam perjanjian. Pihak pemaju bersetuju mengeluarkan segala perbelanjaan pembangunan harta tanah yang berkaitan.

5. TUNGGAKAN HASIL

	2015 RM	2014 RM
Cukai taksiran am	27,463,684	29,633,822
Notis E	4,729,201	4,611,368
Waran F	1,919,015	2,365,672
Sewaan	1,021,451	970,772
Caj Selenggaraan	268,240	248,266
	<hr/>	<hr/>
Peruntukan hutang rugu	35,401,591 (953,197)	37,829,900 —
	<hr/>	<hr/>
	34,448,394	37,829,900

WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
3hb Ogos 2017]

617

6. PELBAGAI PENGHUTANG

	2015 RM	2014 RM
Pelbagai penghutang	4,224	4,079
Pembiutang GST	230,468	—
Pendahuluan gaji kakitangan OSC	27,865	4,677
Pendahuluan gaji kakitangan COB	130,859	125,692
Penghutang GST	15,530	—
Penghutang pinjaman kenderaan	33,480	54,433
Penghutang pinjaman komputer	28,060	37,796
Pendahuluan MPN untuk PPKB	3,000	3,000
	473,486	229,677

Kadar Faedah bagi pinjaman kenderaan dan pinjaman komputer bagi tahun 2014 dan 2015 adalah pada kadar 4% setahun.

7. SIMPANAN TETAP

	2015 RM	2014 RM
Simpanan tetap di bank berlesen/syarikat kewangan	44,000,000	33,000,000
	44,000,000	33,000,000

8. WANG DI BANK DAN DI TANGAN

RHB Bank Berhad	10,334,731	8,026,805
Bank Islam Malaysia Berhad	17,775	797
Malayan Banking–Akaun pinjaman kenderaan	171,498	150,544
Akaun PPKB	303,285	339,117
Malayan Banking–M2U	263,418	61,958
Ambank	30,482	92,184
CIMB–Akaun Pinjaman Komputer	70,336	61,411
Malayan Banking–Akaun Gaji	342,406	40,924
Bank Rakyat	2,863,227	732,482
Wang Runcit	1,000	1,000
Tunai Di tangan	600	600
	14,398,758	9,507,822

9. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

Pelbagai sipiutang	9,878,456	4,100,573
Akaun amanah	10,352,130	8,008,866
Akaun amanah PPKB	191,585	218,369
Pendahuluan gaji kakitangan PKA	18,880	15,899
Cek tak laku/tamat tempoh	48,550	51,526
Belanja terakru	26,400	423,216
	20,516,001	12,818,449

WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

618

[3hb Ogos 2017]

9.1 Akaun Amanah

	RM	RM
Baki pada 1 Januari	8,008,866	4,972,806
(+) Terimaan tahun semasa	<u>3,415,184</u>	<u>5,173,971</u>
	11,424,050	10,146,777
(-) Perbelanjaan tahun semasa	<u>(1,071,920)</u>	<u>(2,137,911)</u>
	<u>10,352,130</u>	<u>8,008,866</u>

10. KUMPULAN WANG MAJLIS

	2015 RM	2014 RM
Baki pada 1 Januari	85,158,732	85,864,415
Lebihan pendapatan dari perbelanjaan selepas cukai	4,905,795	8,327,475
Pelarasan tahun lalu–Perbelanjaan Terkurang Rekod	9,196	(41,132)
Pelarasan tahun lalu–NOD & Kos Guaman	10,926	20,739
Pelarasan tahun lalu–Tunggakan Hasil Dan Terimaan Terdahulu	(62,133)	(9,020,264)
Pelarasan tahun lalu–Faedah Pinjaman Sewa Beli	—	(25,710)
Pelarasan tahun lalu–Pinjaman Sewa Beli Kenderaan	—	33,209
	<u>90,022,516</u>	<u>85,158,732</u>

Kertas kerja permohonan hapuskira bayaran Denda Lewat, Tunggakan Waran F dan Tunggakan NOD sebanyak RM11,868,306.25 dan Pengurangan Nilai Tahunan dari 10% kepada 5% sebanyak RM1,370,469.41 di atas BBN Development Sdn. Bhd. dan anak syarikat BBN Development Sdn. Bhd. iaitu NS Township Sdn. Bhd., Arus Ikhlas Sdn. Bhd. dan Nilai Resources Properties Sdn. Bhd. telah dibawa ke Mesyuarat Penuh Bil 3/2013 dd: 29-3-2013 & Bil: 04/2013 dd: 25-4-2013 dan telah diluluskan untuk dibuat hapuskira dalam Penyata Kewangan Tahun 2013. (Rujuk keputusan Kertas Mesyuarat no: 1033/2012 dan Mesyuarat MMK yang bersidang pada 4 April 2012 & 30 Oktober 2012). Ini adalah merujuk kepada Pelarasan Tahun Lalu-Tunggakan Hasil Dan Terimaan Terdahulu

11. CARUMAN BANTU KADAR

	2015 RM	2014 RM
Kerajaan Persekutuan	957,663	953,794
Kerajaan Negeri	<u>10,324</u>	<u>8,948</u>
	<u>967,987</u>	<u>962,742</u>

12. PERKHIDMATAN DAN BAYARAN PERKHIDMATAN

Bayaran pelan	2,062,293	1,654,878
Terimaan prosesan	66,089	57,836
Terimaan komisyen	2,724	2,599
Penyelenggaraan bangunan (caj selenggara)	55,444	57,924
Layout	896,333	984,448
Bayaran Tempat Letak Kereta	20,101	18,588
Yuran Pendaftaran	245	—
	<u>3,103,229</u>	<u>2,776,273</u>

13. LESEN DAN PERMIT

	2015	2014
	RM	RM
Penjaja	63,495	154,313
Tred/perniagaan/kawalan/tempat makanan/hiburan awam	1,626,776	1,559,938
Pasar	23,359	27,091
Bangunan	789,584	780,765
Iklan/kenyataan	703,437	673,983
Permit sementara, pasar malam dan pelbagai	103,689	107,330
Permit perniagaan sementara	118,098	138,442
Permit kain rentang	252,572	259,855
	<hr/>	<hr/>
	3,681,010	3,701,717
	<hr/>	<hr/>

14. FAEDAH DAN DIVIDEN

Simpanan tetap	1,259,651	709,332
Faedah lain	143,105	198,901
	<hr/>	<hr/>
	1,402,756	908,233
	<hr/>	<hr/>

15. DENDA DAN HUKUMAN

Notis E cukai taksiran	1,854,300	1,768,634
Kompaun	4,650	—
Surcaj letak kereta	64,420	63,945
Waran F	39,392	23,506
Pelan bangunan	130,388	812,109
Pelbagai denda	400,321	381,166
	<hr/>	<hr/>
	2,493,471	3,049,360
	<hr/>	<hr/>

16. SEWAAN

Sewaan dewan	156,327	94,855
Pasar dan gerai	172,128	211,954
Sewaan Dataran Nilai	37,250	38,250
Pelbagai sewaan	369,786	338,663
	<hr/>	<hr/>
	735,491	683,722
	<hr/>	<hr/>

17. PEROLEHAN JUALAN BARANG

Patil Lesen	30,830	30,045
Jualan pelan/pelbagai	521,395	534,128
	<hr/>	<hr/>
	552,225	564,173
	<hr/>	<hr/>

18. SUMBANGAN KERAJAAN

Geran tahunan dan Bantuan kewangan	2,641,046	2,641,046
Sumbangan Pembangunan/KPKT/UPKT	26,155,929	22,209,953
Sumbangan Kerajaan Negeri	3,322,565	836,436
Beri utk Bil Elektrik	2,068,803	1,694,085
Beri utk Bil Elektrik Pihak Swasta	42,813	74,885
Saguhati/Hadiah/Pampasan/Sumbangan orang awam & swasta	206,775	4,270
	<hr/>	<hr/>
	34,437,931	27,460,675
	<hr/>	<hr/>

WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

620

[3hb Ogos 2017]

19. PELBAGAI PENDAPATAN

	2015 RM	2014 RM
Pelbagai pendapatan	—	3,150
	<u>—</u>	<u>3,150</u>

20. EMOLUMEN

Gaji	4,996,061	4,682,494
ITKA	255,620	280,548
ITP	473,333	404,231
BSH	560,375	538,750
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	869,595	827,139
Elaun lebih masa	594,039	542,653
Faedah kewangan lain	510,133	575,330
Elaun Tetap Ahli Majlis	341,400	80,340
	<u>8,600,556</u>	<u>7,931,485</u>

Jumlah kakitangan MPN bagi tahun 2014 adalah sebanyak 317 orang dan bagi tahun 2015 adalah seramai 354 orang.

21. BAYARAN-BAYARAN LAIN

	2015 RM	2014 RM
Ganjaran pegawai kontrak	106,298	107,951
Tuntutan insurans & pampasan	165,927	114,367
Pelarasan, hapuskira & lain-lain	580,611	306,821
	<u>852,836</u>	<u>529,139</u>

22. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Membina dan membaiki jalan dalam kawasan Majlis	165,190	—
Membina dan membaiki longkang	454,099	184,870
Membina/ubahsuai bangunan pejabat/rumah kakitangan	309,215	250,740
Membina tandas awam	—	16,580
Membina perhentian bas	2,635	—
Membina lampu jalan/tiang lampu	441,416	400,630
Membina papan tanda/pintu gerbang	1,830	198,170
Membina pusat komuniti	3,000	59,066
Projek pengindahan, rekreasi dan taman permainan kanak-kanak	664,023	2,149,823
Projek menaiktaraf padang & taman rekreasi	186,496	998,475
Membuat pulih tanah runtuh/cerun	275,745	285,197
Perbelanjaan Pembangunan Peruntukan Kerajaan	<u>29,315,630</u>	<u>22,854,870</u>
	<u>31,819,279</u>	<u>27,398,421</u>

23. PINJAMAN SEWA BELI KENDERaan

Analisa Sewabeli:

Bayaran dalam 1 tahun	645,592	507,456
Bayaran selepas 1 tahun	1,378,357	1,356,368
	<u>2,023,949</u>	<u>1,863,824</u>

	2015 RM	2014 RM
Tolak:		
Faedah tertunda	(187,716)	(200,448)
Jumlah pokok	<u>1,836,233</u>	<u>1,663,376</u>
Matang dalam tempoh 12 bulan	553,159	415,670
Matang selepas tempoh 12 bulan	<u>1,283,074</u>	<u>1,247,706</u>
	<u>1,836,233</u>	<u>1,663,376</u>
Pinjaman Bank		
Tujuan pembelian aset kendaraan, jentera berat & motorsikal	1,836,233	1,663,376
Jumlah:		
Kadar Faedah 2.79%-6.60%		
Tempoh Bayaran Balik: 60 bulan		
	<u>1,836,233</u>	<u>1,663,376</u>
24. KOMITMEN MODAL		
Diluluskan oleh ahli majlis dan mengikat perjanjian bagi pembelian 2 unit Kedai Pejabat Dua Tingkat di Nilai Impian, Nilai	2,294,988	—
	<u>2,294,988</u>	<u>—</u>
25. CUKAI		
Majlis Perbandaran Nilai adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.		
26. MATAWANG		
Kesemua jumlah dinyatakan dalam mata Wang Ringgit Malaysia.		
[SUKNS. (R)700-10/5; PUNS. 100/2/8 (PK)]		

No. 409.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA
KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Kunci Kira-Kira Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang (Ekuiti) serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Yang Dipertua Terhadap Penyata Kewangan

Yang Dipertua bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Yang Dipertua juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

SEREMBAN
Bertarikh 21 Jun 2016

ALLIAS BIN ALWI
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson yang terdiri daripada Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2015, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang (Ekuiti) dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan seperti yang diarahkan oleh Ketua Audit Negara.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan ke atas Penyata Kewangan

Pihak pengurusan adalah bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Piawaian Laporan Entiti Persendirian (PERS) di Malaysia. Pihak pengurusan turut bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang dianggap perlu oleh pihak pengurusan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan, berdasarkan audit kami. Kami telah mengendalikan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami patuh dengan keperluan beretika dan merancang dan melaksanakan audit untuk mencapai kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur untuk memperolehi bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Pemilihan sesuatu prosedur adalah bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara di dalam penyata kewangan, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami menimbangkan kawalan dalaman yang relevan bagi penyediaan penyata kewangan Majlis yang memberikan pandangan yang benar dan saksama bagi membentuk prosedur audit yang sesuai berdasarkan keadaan, tapi bukan bagi tujuan menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Majlis. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian terhadap kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pihak pengurusan, serta menilai pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

624

[3hb Ogos 2017]

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Majlis bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan peruntukan Akta Audit 1957, Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Piawaian Laporan Entiti Persendirian (PERS) di Malaysia.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan dalam Akta Audit 1957, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang dikehendaki oleh Akta-akta untuk disimpan oleh Majlis telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta-akta tersebut.

SEREMBAN
Bertarikh 26 Mei 2016

MNZWAJ ASSOCIATES
AF 001959
Akauntan Bertauliah

MOHD NASRI BIN ISMAIL
1711/08/17 (J/PH)
Akauntan Bertauliah

PENYATA OLEH MAJLIS

Kami, Dato' Ab Khalid bin Mat, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson dan Anizah binti Salehhuddin, Akauntan Majlis Perbandaran Port Dickson dengan ini mengesahkan bahawa pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya bagi tahun dan perubahan kedudukan kewangannya dalam tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Majlis,

DATO' AB KHALID BIN MAT
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Port Dickson

ANIZAH BINTI SALEHHUDDIN
Akauntan,
Majlis Perbandaran Port Dickson

Bertarikh 29 Mac 2016

Bertarikh 29 Mac 2016

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Ab. Rahim bin Ab. Rahman dan Abu Bakar bin Md Deli, dua orang daripada Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Port Dickson dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli-Ahli Majlis,

AB. RAHIM BIN AB. RAHMAN <i>Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Port Dickson</i>	ABU BAKAR BIN MD DELI <i>Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Port Dickson</i>
---	--

Bertarikh 29 Mac 2016

Bertarikh 29 Mac 2016

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Kami, Dato' Ab Khalid bin Mat dan Anizah binti Salehhuddin pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 yang berikut ini berserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah benar dan kami membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

DATO' AB KHALID BIN MAT <i>Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson</i>	ANIZAH BINTI SALEHHUDDIN <i>Akauntan Majlis Perbandaran Port Dickson</i>
---	---

Sebenarnya dan sesungguhnya
Diakui oleh,

Dato' Ab Khalid bin Mat dan
Anizah binti Salehhuddin
Di Port Dickson
Negeri Sembilan
Bertarikh 30 Mac 2016

Di hadapan saya,

YAHAYA BIN IDRIS
*Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia*

WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

626

[3hb Ogos 2017]

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2015

	2015 RM	2014 RM
ASET TETAP (Nota 3)	59,590,313	57,901,445
KERJA DALAM PEMBINAAN (Nota 4)	405,479	607,007
	<hr/>	<hr/>
ASET SEMASA		
Tunggakan Hasil (Nota 5)	10,686,340	12,169,129
Siberhutang Lain (Nota 6)	1,233,410	1,106,330
Wang Pertaruhan (Aset)	34,390	34,390
Faedah Simpanan Tetap Terakru	—	1,103
Simpanan Tetap, tunai di tangan dan di bank (Nota 7)	17,786,733	19,700,468
	<hr/>	<hr/>
	29,740,873	33,011,420
	<hr/>	<hr/>
LIABILITI SEMASA		
Wang Pertaruhan (Nota 8)	5,610,240	4,414,542
Sumbangan Amanah (Nota 9)	4,167,529	3,224,240
Perbelanjaan Terakru	3,302,074	3,989,706
Terimaana terdahulu (Nota 10)	473,283	439,918
Sipiutang (Nota 11)	174,907	170,649
	<hr/>	<hr/>
	13,728,033	12,239,055
ASET SEMASA BERSIH	<hr/>	<hr/>
	16,012,840	20,772,365
	<hr/>	<hr/>
	76,008,632	79,280,817
	<hr/>	<hr/>
DIBIAYAI OLEH:		
Kumpulan Wang Majlis (Nota 12)	43,618,805	48,329,065
LIABILITI JANGKA PANJANG		
Geran Tertunda (Nota 13)	32,389,827	30,951,752
	<hr/>	<hr/>
	76,008,632	79,280,817
	<hr/>	<hr/>

Nota-nota kepada akaun adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 RM	2014 RM
PENDAPATAN		
Cukai Taksiran Am	26,920,158	25,989,217
Caruman Bantu Kadar (Nota 14)	1,678,017	1,775,175
Lesen-Lesen	1,964,375	1,861,292
Perkhidmatan Dan Bayaran	1,147,634	815,712
Perolehan Dari Jualan Barang	565,493	533,862
Sewaan (Nota 15)	1,053,444	973,258
Faedah Diterima (Nota 16)	695,044	683,098
Notis Dan Denda	1,262,563	1,159,008
Sumbangan Kerajaan/Swasta	—	200,000

	2015 RM	2014 RM
Geran Tahunan	1,617,245	1,617,245
Pengiktrifran Daripada Geran Tertunda	354,199	335,147
Pelbagai Pendapatan	42,132	43,255
Pembalikan Atas Hutang Ragu	374,483	—
Sumbangan Pembangunan (Nota 17)	11,647,078	9,436,203
<hr/>	<hr/>	<hr/>
Jumlah Pendapatan	<u>49,321,865</u>	<u>45,422,472</u>
 PERBELANJAAN		
Emolumen	10,548,063	10,216,710
Perkhidmatan Pekerja Kontrak	5,042,384	4,559,710
Terkurang Catat Pada Tahun Sebelum	80	—
Perjalanan Dan Sara Hidup	76,895	62,477
Perhubungan	536,754	512,603
Utiliti	3,825,854	4,193,004
Terlebih Catat Pada Tahun Sebelum	(700)	—
Bekalan Dan Bahan-Bahan	1,685,501	1,667,718
Terkurang Catat Pada Tahun Sebelum	43,800	—
Penyelenggaraan Dan Pembaikan	2,746,773	3,543,881
Perkhidmatan Iktisas Dan Lain-Lain	10,241,408	10,177,090
Terkurang Catat Pada Tahun Sebelum	6,577	—
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	553,376	502,931
Terlebih Catat Pada Tahun Sebelum	—	(117,056)
Perbelanjaan Pembangunan (Nota 18)	15,818,554	12,355,424
Pelupusan/Hapuskira	1,128,619	1,843
Hutang Ragu	—	86,357
Susutnilai	1,778,187	1,677,810
<hr/>	<hr/>	<hr/>
Jumlah Perbelanjaan	<u>54,032,125</u>	<u>49,440,502</u>
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Dari Perbelanjaan	(4,710,260)	(4,018,030)
(Kurangan)/Lebihan Selepas Perkara-Perkara Terkecuali Tetapi Sebelum Percukaian	(4,710,260)	(4,018,030)
Percukaian (Nota 19)	—	—
<hr/>	<hr/>	<hr/>
(Kurangan)/Lebihan Selepas Perkara-Perkara Terkecuali Dan Percukaian	(4,710,260)	(4,018,030)
Perkara-Perkara Luar Biasa	—	—
<hr/>	<hr/>	<hr/>
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Semasa	<u>(4,710,260)</u>	<u>(4,018,030)</u>

Nota-nota kepada akaun adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

628

[3hb Ogos 2017]

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG (EKUITI) BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015

	Kumpulan Wang Majlis 2015 RM	2014 RM
Pada 1 Januari (Kurangan)/Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan tahun semasa selepas cukai	48,329,065 (4,710,260)	52,347,095 (4,018,030)
Pada 31 Disember	43,618,805	48,329,065

Nota-nota kepada akaun adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015

	2015 RM	2014 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan	(4,710,260)	(4,018,030)
Pelarasan Yang Tidak Melibatkan Pergerakan Tunai:		
Susutnilai	1,778,187	1,677,810
Geran Tertunda	1,438,075	412,515
Hapuskira Aset Tetap	10,952	1,843
Kurangan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	(1,483,046)	(1,925,862)
Tambahan/(Kurangan) Modal Kerja		
Tunggakan Hasil	1,482,789	(207,119)
Siber hutang Lain	(127,079)	(51,271)
Wang Pertaruhan (Aset)	—	—
Faedah Simpanan Tetap Terakru	1,103	78,399
Wang Pertaruhan	1,195,698	(451,983)
Sumbangan Amanah Pembangunan	943,289	1,829,518
Perbelanjaan Terakru	(687,632)	(1,113,086)
Terimaan Terdahulu	33,365	16,233
Sipiutang	4,258	(79,245)
Tunai Bersih (digunakan)/dihasilkan Dari Aktiviti Operasi	1,362,745	(1,904,416)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Harta Tetap/Kerja dalam Pembinaan (Nota 3 & 4)	(3,276,480)	(1,526,413)
Tunai bersih atas pelupusan aset	—	—
Tunai Bersih digunakan dalam Aktiviti Pelaburan	(3,276,480)	(1,526,413)
Aliran Tunai dari Aktiviti Kewangan	—	—
(Kurangan)/Tambahan Bersih dalam Aliran Tunai Tunai dan Setara Tunai pada 1 Januari	(1,913,735) 19,700,468	(3,430,829) 23,131,297
Tunai dan Setara Tunai pada 31 Disember	17,786,733	19,700,468

Nota-nota kepada akaun adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015

1. MAKLUMAT AM

Kegiatan Utama

Kegiatan utama yang dijalankan oleh Majlis ialah:

- 1.1.1 Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik premis yang menerima perkhidmatan dari Majlis lampu jalan, perkhidmatan pembersihan longkang dan mengutip sampah.
- 1.1.2 Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang bermiaga dalam kawasan operasi Majlis.
- 1.1.3 Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.
- 1.1.4 Memproses pelan dan mengeluarkan Sijil Layak Menduduki (CFO) ke atas premis-premis di dalam kawasan operasi Majlis.

Alamat Majlis adalah Pejabat Majlis Perbandaran Port Dickson, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Pada 31 Disember 2015, Majlis mempunyai seramai 420 orang pekerja (2014: 436 orang)

Penyata Kewangan telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Majlis sama seperti tarikh pada penyata oleh Majlis dan penyata oleh ahli-ahli Majlis di mukasurat i dan ii.

Semua angka adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas-Asas Perakaunan

Akaun-akaun disediakan berdasarkan kepada konvesyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Perakaunan yang diluluskan.

2.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Harta-harta tetap dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul. Susutnilai dikira berdasarkan kaedah garis lurus pada kadar tahunan yang berikut berdasarkan jangka hayat kegunaan harta berkeraan.

Harta Tak Alih	Kadar
(i) Tanah Hakmilik Kekal	—
Tanah Pajakan	Mengikut Tempoh Pajakan
(ii) Bangunan Batu	1%
(iii) Bangunan Kayu	5%
Harta Alih	
(iv) Kenderaan	12.5%
(v) Jentera Berat	12.5%
(vi) Jentera Ringan	20%
(vii) Alat-Alat Pejabat	10%
(viii) Alat Pembersihan	33.33%

2.3 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai merangkumi wang tunai di tangan dan di bank serta bank overdraf (jika ada) dan simpanan tetap. Kesetaraan tunai merangkumi pelaburan mudah tunai yang boleh ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui yang tertakluk kepada risiko pertukaran nilai yang tidak disignifikan. Pihak Majlis telah menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunai.

2.4 Peruntukan Hutang Ragu

2.4.1 Peruntukan Hutang Ragu dikenakan bagi cukai taksiran dan sewaan sebanyak 20% daripada jumlah tunggakan pada akhir tahun.

2.4.2 Peruntukan Hutang Ragu spesifik dikenakan bagi cukai taksiran dan sewaan sebanyak 50% daripada jumlah penghutang yang telah dikenalpasti bagi tindakan undang-undang.

2.5 Dasar Tempoh Pembaharuan Lesen

Proses Pembaharuan Lesen Perniagaan dalam kawasan MPPD telah ditukar daripada tempoh November hingga Disember setiap tahun kepada tempoh Januari hingga Februari setiap tahun mulai tahun 2013.

2.6 Kerja dalam Pembinaan

Kerja dalam Pembinaan adalah bagi kerja-kerja yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Jumlah ini ditunjukkan pada kos berdasarkan bayaran kemajuan pada akhir tahun. Jumlah kos ini akan dipindahkan ke Harta Tetap apabila kerja telah disempurnakan dan peruntukan susutnilai akan dikenakan pada akhir tahun.

2.7 Pendapatan dan Perbelanjaan

Pendapatan Cukai Taksiran & Sewaan, Gerai & Pasar dan Bangunan diambil kira menurut dasar perakaunan akruan. Lain-lain hasil dikira sebagai pendapatan apabila diterima.

Geran dari kerajaan diiktiraf sebagai pendapatan apabila bayaran diterima atau sesuatu perbelanjaan dilakukan daripada waran yang diterima.

Pendapatan faedah daripada Skim Konvensional diiktiraf atas asas akruan manakala faedah dengan Skim Perbankan Islam diiktiraf atas asas tunai.

2.8 Geran Tertunda

Geran tertunda adalah geran kerajaan untuk maksud pembelian/pembinaan aset tetap serta kerja dalam pembinaan. Geran kerajaan tersebut diakaunkan sebagai geran tertunda dan pengiktirafan pendapatan dari geran tersebut adalah berpadanan dengan perbelanjaan yang diiktiraf berkaitan dengan aset tersebut.

2.9 Sumbangan Pembangunan

Sumbangan Pembangunan yang diterima dari pihak kerajaan atau swasta bagi tujuan yang dinyatakan diambilkira dalam akaun ini. Perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat akan dikenakan terus dari akaun ini.

2.10 Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan Pembangunan meliputi kos pembangunan di dalam kawasan Majlis yang diperuntukan dalam anggaran termasuk peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Bagi perbelanjaan pembangunan yang boleh dipermodalkan ia ditunjukkan sebagai aset tetap dan peruntukan susutnilai akan dikenakan apabila projek siap.

3. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN

	Pada 1-1-2015 RM	Tambahan RM	Pelupusan RM	Susutnilai RM	Pada 31-12-2015 RM
Nilai buku bersih					
Tanah	523,703	—	—	(692)	523,011
Bangunan	53,410,584	2,301,312	—	(707,835)	55,004,061
Jentera berat	681,236	299,000	(1)	(289,747)	690,488
Kenderaan rasmi	1,028,365	644,059	(10,951)	(332,806)	1,328,667
Jentera ringan	23,017	—	—	(11,658)	11,359
Alat pejabat	2,232,801	233,636	—	(435,449)	2,030,988
Alat pembersihan	1,739	—	—	—	1,739
	57,901,445	3,478,007	(10,952)	(1,778,187)	59,590,313
		Kos	Susutnilai	Nilai buku	
		RM	terkumpul	bersih	
2015					
Tanah	537,815	(14,804)	523,011		
Bangunan	63,866,040	(8,861,979)	55,004,061		
Jentera berat	2,573,825	(1,883,337)	690,488		
Kenderaan rasmi	3,294,648	(1,965,981)	1,328,667		
Jentera ringan	292,860	(281,501)	11,359		
Alat pejabat	6,864,259	(4,833,271)	2,030,988		
Alat pembersihan	989,674	(987,935)	1,739		
	78,419,121	(18,828,808)	59,590,313		
2014					
Tanah	537,815	(14,112)	523,703		
Bangunan	61,564,728	(8,154,144)	53,410,584		
Jentera berat	2,374,626	(1,693,390)	681,236		
Kenderaan rasmi	2,851,971	(1,823,606)	1,028,365		
Jentera ringan	292,860	(269,843)	23,017		
Alat pejabat	6,630,623	(4,397,822)	2,232,801		
Alat pembersihan	989,674	(987,935)	1,739		
	75,242,297	(17,340,852)	57,901,445		

4. KERJA DALAM PEMBINAAN

Kerja Dalam Pembinaan ini mendapat peruntukan dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan peruntukan Majlis untuk pembinaan aset tetap:

Nama Projek	2015 RM	2014 RM
1. Astaka dan Pagar di Padang Merdeka	—	588,564
2. Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Pantai Cahaya Negeri	405,479	18,443
	405,479	607,007

WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

632

[3hb Ogos 2017]

5. TUNGGAKAN HASIL

	2015 RM	2014 RM
Cukai Taksiran Am	17,284,242	19,169,724
Sewaan	253,822	225,612
	<hr/>	<hr/>
	17,538,064	19,395,336
Tolak:		
Peruntukan Hutang Ragu Am (20%)	(1,278,205)	(1,647,638)
Peruntukan Hutang Ragu Spesifik (50%)	(5,573,519)	(5,578,569)
	<hr/>	<hr/>
	(6,851,724)	(7,226,207)
	<hr/>	<hr/>
	10,686,340	12,169,129
	<hr/>	<hr/>

6. SIBERHUTANG LAIN

Terdiri daripada Siberhutang:

1. Projek Rumah Kedai Pekan Linggi	7,900	7,900
2. Pendahuluan Pelbagai	45,674	4,284
3. Kutipan Agensi	—	1,176
4. Pendahuluan Kaunter	1,000	1,500
5. Pendahuluan Kos Tindakan Guaman	734,469	920,250
6. Penghutang Pelbagai	155,667	151,865
7. Syarikat Seri Kota Sdn. Bhd.	19,355	19,355
8. Penghutang-GST Telah Dituntut	188,283	—
9. Penghutang-GST Belum Dituntut	81,062	—
	<hr/>	<hr/>
	1,233,410	1,106,330
	<hr/>	<hr/>

7. SIMPANAN TETAP, TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

Simpanan-simpanan tetap	13,600,000	18,300,000
Tunai di Bank	4,184,733	1,398,468
Tunai di tangan	2,000	2,000
	<hr/>	<hr/>
	17,786,733	19,700,468
	<hr/>	<hr/>

8. WANG PERTARUHAN

Wang Pertaruhan ini merupakan deposit yang disimpan oleh Majlis untuk maksud deposit tambahan ubahsuai bangunan, sewa gerai, sewa dewan, peralatan, iklan dan wang tahanan projek/kerja.

	2015 RM	2014 RM
Wang Pertaruhan	2,576,512	2,374,037
Wang Tahanan Projek	3,033,728	2,040,505
Wang Amanah Tidak Dituntut (Warta)	—	—
	<hr/>	<hr/>
	5,610,240	4,414,542
	<hr/>	<hr/>

9. SUMBANGAN AMANAH

Sumbangan ini terdiri daripada baki peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan lain-lain sumbangan yang masih belum dibelanjakan pada akhir tahun.

	2015 RM	2014 RM
Sumbangan Amanah Pembangunan		
1. Infra/Taman Permainan Kanak-Kanak	254,035	330,752
2. Projek-Projek BP 1	320,600	1,448,977
3. Prasarana Kebenaran Merancang	455,700	440,700
4. Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Cahaya Negeri	(69,731)	465,792
5. Program Karnival Horey-Horey Permata	513	513
Lain-Lain		
1. Pengisytiharan MPPD	5,146	5,146
2. Kumpulan Wang Pinjaman	196,139	192,806
